

# Fb Page Iwn. Fb Group

**F**ACEBOOK merupakan satu jenis media sosial yang boleh mendapatkan khalayak ramai menatapinya. Setiap profil Facebook boleh membangunkan *Facebook Page* atau *Facebook Group*. Jadi, mana satu yang menepati kehendak setiap pemilik akaun Facebook.

Perbezaan penggunaan antara *Facebook Page* dan *Facebook Group* adalah dari segi aspek tujuan, kawalan peribadi dan analitiknya.

*Facebook Page* bertujuan untuk menghubungkannya kepada khalayak ramai.

Keutamaannya adalah untuk pos mesej dan suara menerusi *Facebook Page*.

Khalayak ramai boleh berinteraksi dengan apa sahaja mesej di *Facebook Page*. Namun begitu, pemilik mempunyai kawalan ke atas apa yang akan dipaparkan. Pengikut berperanan pasif dengan hanya boleh memberi komen atau reaksi terhadap pos. Pos daripada komunitinya bukanlah satu keutamaan dan dipaparkan pada muka yang berasingan dengan muka utama.

*Facebook Group* pula menyediakan peluang berdiskusi dan berinteraksi sesama ahli. Hantaran (pos) daripada kesemua ahli boleh dilihat pada muka utama.

Dari segi kawalan capaian dan peribadi, *Facebook Page* sentiasa menjadi paparan umum. Antara halangan yang boleh dibuat di dalamnya adalah menentukan siapa yang boleh pos, penanda (*tag*) mesej dan paparan di negara tertentu. Sekiranya tidak mahu dilihat orang ramai, tutup atau tidak terbit *Facebook Page* tersebut.

Bagi *Facebook Group*, terdapat banyak tahap

## Tutorial ICT

Bersama **FIRKHAN**  
sembangict@yahoo.com



keperibadian. *Facebook Group* boleh bersifat umum, keperluan kelulusan oleh pentadbir atas permintaan atau atas jemputan. Dengan ini, menjadikan *Facebook Group* ini sesuai untuk kumpulan yang ramai pengikut atau kumpulan kecil seperti keluarga.

Kumpulan yang rahsia dan dengan jemputan tidak akan dipaparkan dalam carian. *Facebook Group* mempunyai tahap peribadi yang tinggi.

Dari sudut analitik, *Facebook Page* memberi pentadbir maklumat berkaitan dengan demografik khalayak, penceburan khalayak, jangkauan pos dan lain-lain.

Bagi *Facebook Group*, ia tidak mempunyai maklumat analitik. Hanya ada maklumat asas seperti senarai ahli dan kesimpulan aktiviti.

Jadi, *Facebook Page* sesuai digunakan untuk paparan maklumat mempromosi sesuatu seperti barang, kursus dan produk atau servis lain.

Penggunaannya tidak sesuai untuk sekumpulan yang rapat.

*Facebook Group* pula sesuai digunakan untuk sekumpulan yang rapat dan berinteraksi seperti kumpulan sokongan. Boleh juga digunakan dengan memerlukan pihak pentadbir menghubungkan antara kedua-duanya.